

Balada Kasih Romi dan Junid

“Romi, Romi . . .” Suara serak Junid terketar-ketar. Bibirnya terasa kering merekah. Tekaknya perit dan berpasir.

Junid sudah tidak tahan dengan bau yang menyesakkan itu. Dia ingin bangkit. Namun tangan dan kakinya tidak terangkat. Mahu berpaling atau berguling pun tiada lagi kudrat. Otot-ototnya bagai sudah cair. Bahagian bawah badannya lembap.

Junid tak ingat berapa kali dia ulang alik ke tandas. Dia cuma ingat keletihan pada tubuhnya, kesesalan yang dia tidak tahu di mana telefon bimbitnya. Akhirnya Junid mengerekot terus di atas katil. Bisa melitar dalam usus-usus dan menusuk perutnya. Dia membiarkan najis dan angin mengalir dan menyusup keluar dari tubuhnya, bersama sisa-sisa kekuatannya.

Air mata Junid mengalir dan meleleh ke bantal. “Romi . . . Romi . . .” Suaranya semakin lesu dan sayup. “Romi . . . kau dah mati Romi?”

Ini kisah Romi dan Junid. Nama sebenar mereka Romilah dan Junaidi, tetapi semenjak mereka bertatih-tatih, ibu bapa masing-masing telah memberi mereka nama ringkas Romi dan Junid. Junid lebih tua daripada Romi agak-agaknya lima tahun.

Mereka berkenalan di sebuah majlis makan malam anjuran Teng Pharmaceuticals — tempat kerja mereka — tiga puluh lima tahun yang lalu. Junid terpesona dengan senyuman Romi tetapi Osman mengusik bahawa pinggang kerengga Romilah yang menarik perhatiannya. Malam itu Romi menyanyikan lagu ‘Tiru Macam Saya’ di atas pentas, dan bagi Junid, lagu itu amat berpatutan. Romi

telah mengenakan kebaya renda dan kain batik wiron; sungguh anggun dan santun di mata Junid.

Dua hari kemudian, Junid mengintai Romi dari luar pejabat perakaunan. Junid pula bekerja di bahagian operasi. Pengurus operasi sering mengomel bahagian kewangan menghambat keberkesanan bahagian operasi. Junid menawarkan dirinya menjadi orang perantaraan. Maka Junid dapatlah mengaturkan saat ‘terserempak yang disengajakan’ dengan Romi.

Lambat laun, Junid berjaya mengajak Romi keluar bersamanya. Pada kali yang pertama, Junid membawa Romi makan sup tulang merah di Marine Parade. Romi tidak teragak-agak menikmati tulang merah dan rojak mamak, tanpa satu titik pun sos merah dan kuah rojak terpercik ke blaus kuningnya. Romi turut memberikan Junid kuih talam hasil air tangannya. Malam itu juga Junid buat keputusan untuk masuk melamar.

Romi akui, muka Junid tidak akan menang sebarang pingat Jejaka Paling Tampan, tetapi dia telah buat selidik sendiri. Dia mendapat tahu Junid dihormati orang; Junid tidak banyak berbual kosong dan jika menghadapi masalah atau cabaran, dia akan berfikir dalam-dalam mencari huraianya. Kesantunan, kepintaran dan kesabaran Junid dalam mengusahakan sesuatu (termasuk cuba mengajak Romi keluar) menawan hati Romi.

Lapan bulan selepas majlis makan malam yang bersejarah itu, Romi dan Junid mendirikan mahligai. Mereka berbulan madu setakat di Malaysia. Romi takut naik kapal terbang dan feri pula buat dia mabuk.

Sudah menjadi lumrah alam perkahwinan, suami isteri akan menyedari hal dan ciri-ciri pasangannya yang tidak ketara semasa mereka mula-mula melayari bahtera

cinta. Ada yang sampai karam enam bulan selepas bernikah. Ada yang terkandas, memerlukan bantuan orang lain. Tetapi ini tidak terjadi pada Romi dan Junid.

Tahun pertama mahligai mereka terbina, Junid menyedari yang Romi tidak suka berseorangan rupa-rupanya. Junid telah diberi tawaran naik pangkat, dengan syarat dia bersetuju dihantar *outstation* selama dua bulan. Selepas Junid memberitahunya akan peluang itu, Romi sakit dada dan mabuk-mabuk berpanjangan. Junid terpaksa menolak tawaran itu. Tahun berikutnya Junid ditawarkan lagi. Kali ini tangan dan lengan Romi kebas-kebas hingga tidak boleh mengangkat kualiti dan kain jemuran. Akhirnya Junid faham dan memberitahu pihak atasan dia tidak dapat ditugaskan ke luar negeri. Katanya, tidak mengapalah jika dia kurang peluang untuk naik pangkat atau gaji, asalkan dia dapat menjaga kebajikan isterinya. Osman kata Junid bagai lembu dicucuk hidung. Batang hidung Osman tidak lagi diundang Junid ke rumahnya.

Romi menjadi suri rumah tangga sepenuh masa sementara Junid kekal di syarikat ubat-ubatan itu. Dengan kepandaiannya memasak, Romi ambil upah buat kuih dan lauk-pauk. Selepas beberapa tahun mereka tidak dikurnia zuriat, mereka pasrah. Junid tidak melayan saranan orang untuk mengambil anak angkat atau isteri baharu. Tidak semestinya kekurangan ada pada Romi, katanya. Dia tidak peduli orang menyangka dia mandul. Lagipun, kata Junid, mereka ramai anak saudara.

Romi sering bayangkan alangkah baik hidupnya jika Junid tidak perlu bekerja di tempat lain. Mereka berdua boleh uruskan bisnes katering, katanya, tetapi Junid tidak mahu. Junid berkata bisnes sendiri banyak risiko. Dia lebih suka bekerja dengan syarikat yang memberi bantuan insurans dan elaun perubatan. Kerja sendiri susah hendak buat caruman CPF dan bayar hutang HDB, jelas Junid. Sungguhpun begitu, Romi tetap menyimpan harapan dia dapat meluaskan bisnes kecilnya.

Sepuluh hari sebelum ulang tahun perkahwinan mereka yang ketiga puluh, Romi jatuh terjelepok. Selepas menjalani pembedahan lutut, Romi jarang keluar rumah tanpa Junid di sisinya. Langkah Romi terhenjut-henjut kerana lututnya kerap sakit-sakit. Lengan Junid dipautnya rapat-rapat. Di rumah pun Romi ada kalanya menggunakan tongkat.

Jiran-jiran menggelar mereka “belangkas emas”, berdua-dua ke mana sahaja. Romantis.

Pertengahan 2015, Junid ditawarkan bersara awal. Maka Romi dan Junid hidup di rumah mereka di Tampines dengan jadual baharu yang tidak berubah dari hari ke sehari. Persaraan Junid dialu-alukan Romi. Romi menunggu masa yang sesuai untuk mengungkitkan hasrat mengembangkan bisnes membekal kuih dan makanan dari rumah. Dia telah memerhatikan kawasan kejirannya. Dia fikir dia boleh sediakan khidmat menyediakan lauk mangkuk tingkat dan bumbu lauk yang siap dibeku.

Namun Junid yang menggoyah rancangan Romi pada suatu hari dalam bulan Disember apabila Junid berkata, “Abang nak cari kerja.”

Romi yang sedang mencecah biskut gula kegemarannya dalam cawan berisi Milo hangat tersentak. “Kenapa? Abang bosan duduk kat rumah dengan saya?”

“Laa . . . ,” jawab Junid, sambil melipat surat khabar. “Sampai ke situ pula. Nii Abang fikirkan selagi ada kesihatan, biar Abang kerja. Kita kena fikirkan belanja jangka panjang. Duit kita semakin hari menipis, pemerintah asyik naikkan yuran itu, tarif ini. Tambah pula Romi selalu terpaksa naik teksi. Kita berdua ada kencing manis. Romi ada penyakit jantung juga. Lagipun . . . Abang perasan semenjak bersara ni, Abang jadi macam tambah bodoh.”

“Bodoh?”

“Ya, bodoh.”

“Bodoh macam mana? Macam mana boleh bodoh?”

“Tengok ni.” Jari Junid menujah surat khabar. “Dah tiga kali Abang baca tentang skim CPF dan Medishield, tak faham-faham lagi. Cuma Abang dapat tangkap, kos perubatan naik. Abang pun dah mula lupa-lupa. Takut pula cepat nyanyuk. Inilah akibat lama-lama terperap di dalam rumah. Tak baik.”

Turun, naik, turun, naik biskut dalam Milo.

“Yalah, kalau itu kata Abang,” jawab Romi yang telah menjadi suri rumah sepenuh masa selama lebih daripada tiga puluh tahun.

Di bawah kesedaran Romi, sebiji benih hitam muncul di hatinya.

Maka Junid pun mula mencari kerja. Dia pergi ke pameran pekerjaan sana sini. Dia baca risalah tentang SkillsFuture. Setiap kali ada lowongan kerja, Romi akan beri pendapat:

“Kerja noja tak bagus. Nak pergi jemputan susah.”

“Kerja sekuriti kondo atau sekolah Abang jangan ambil. Bibik-bibik menggatal nanti kat Abang. Kalau budak hilang, mak bapak salahkan Abang.”

“Hah? Lap meja di kedai kopi? Mana Romi nak letak muka? Buat malu sahaja.”

Ada masanya Junid hampir ke sesi temu duga atau masuk bekerja pada hari pertama, tetapi dihalang. Mana Romi sakit, mana Junid yang sakit, biasanya sakit perut.

Akhirnya Junid dapat pekerjaan di perpustakaan Tampines. Dia suka di situ. Ada kesempatan membaca, berjumpa orang muda dan dewasa dan berbincang, macam di tempat kerja lamanya. Junid yang dari muda tidak gemar membaca, kini akan membelek-belek buku-buku yang tersusun cantik di rak-rak. Jika ada perbincangan ringkas tentang buku yang ditujukan untuk warga emas, Junid pasti

akan hadir. Junid rasa ada semacam semangat baru yang bangkit dalam jiwanya, menyusup ke otot-ototnya, naik ke ubun-ubun rambutnya. Dia rasa segar kembali. Pancaideranya menajam dan begitu juga pandangannya tentang kehidupan.

Pada suatu petang, Romi bersandar di birai koridor dan menanti kelibat suaminya balik dari kerja. Dia terlihat suaminya berbual dengan pasangan Melayu di tepi jalan. Bila Junid pulang, Romi bertanya, “Tadi Abang berbual dengan siapa? Pasangan lelaki perempuan tadi?”

Junid mengesat-ngesat peluh. “Itu Selamat dan Tijah.”

“Tijah?” Romi melopong.

Junid tersengih. “Berbeza ya, si Tijah tu. Mereka nak balik ke Australia besok. Selamat ajak kita makan malam nanti.”

Namun malam itu hanya Junid yang keluar makan bersama-sama Selamat dan Tijah. Romi pening. Di rumah, Romi berdiri di hadapan cermin. Dia menarik sayap-sayap baju *butterfly* ke belakang dan merenung bentuk tubuhnya yang kini jauh berbeza dengan zaman gemilangnya. Pandangan mata Romi menyempit. Badannya sudah mengembang. Sikunya sudah berlesung pipit. Muka bertambah bulat. Badannya dengan badan Tijah berubah berlainan arah. Dulu Tijah tidak percaya Romi tidak perlu memakai korset jika berbaju kebaya. Kini Tijah nampak langsing. Sementara dia . . . Romi menjadi segan memikirkan mana yang berketak, berlekuk dan mengendur di badannya.

Romi merenung kedua-dua tangannya. Dia melihat jari-jarinya pendek dan sedikit tembam. Dia mengagak jari Tijah mungkin tirus dan kukunya mungkin berwarna. Itu sahaja yang Romi lakukan, membayangkan perbezaan antara dia dan Tijah, dulu dan sekarang. Dia tidak terlihat jari-jarinya yang tangkas menganyam ketupat dan mengelim kulit epok-epok.

Kulit benih hitam di hati Romi merekah.

Junid pula, selepas makan malam dengan kawan-kawan lamanya, mula bermuhasabah. Selamat dan Tijah bermastautin di Australia selepas Selamat ditugaskan mengurus pejabat di sana. Junid menyorot hidupnya setelah lebih daripada tiga puluh tahun berkahwin dan bekerja. Dia bayangkan apa yang menantinya pada masa hadapan. Dia kenangkan rakan-rakan baru dan lamanya. Junid mengerling ke arah isterinya yang sedang lena tidur. Dia memutuskan dia perlu buat perubahan. Kalau tidak, hidupnya akan mendak, hambar seperti kek yang bantat. Dia perlu lakukan sesuatu.

Suatu hari, ketenangan Romi tergugat lagi.

“Abang nak daftar jadi anggota gym kat pusat sukan.”

“Buat apa? Nak badan macam Arnal . . . Arno . . . Malik Noor?”

“Hahah . . . tak adalah. Romi ingat tak, minggu lepas, Romi hampir jatuh? Nasib baik Abang dapat tahan Romi, tapi bahu Abang macam nak tercabut. Abang kena kuatkan badan. Perlu rajin bersenam. Romi ikut Abang, ya? Kita pergi Mustafa cari baju senam dan baju mandi sekali.” Junid menguyah kepingan epal.

“Untuk Romi?”

“Yalah, sama-sama kita berdua bersenam.”

“Tak naklah. Mana ada baju mandi, baju senam saiz Romi. Buat malulah. Macam lepat nanti. Abang nak orang ketawakan isteri Abang? Abang tak payah masuk gym. Kat bawah tu ada tempat bersenam.”

“Kalau gitu, Romi ikut Abang bersenam kat bawah. Pakai baju *butterfly* dengan kasut *sport* pun boleh. Aci tingkat lima pun buat *brisk walking* pakai sari. Romi pun mesti buat senaman sikit, bagus untuk masalah jantung Rumi.”

“Yalah,” Romi menggumam dan mengalihkan perhatiannya kepada potongan putri salad di piringnya. Romi sebenarnya tidak teringin jalan-jalan di bawah flat pakai baju *butterfly*. Pantang dia berpakaian selekeh di khalayak ramai.

Junid tersenyum kecil.

Beberapa minggu kemudian, Romi memerhatikan suaminya berlari keliling taman dari koridor depan pintunya. Sekejap-sekejap suaminya akan mendongak dan melambai ke arahnya. Romi akan melambai kembali.

Apabila Junid sudah pulang dan duduk terhenyak di kerusi, Romi bertanya, “Abang, tadi berbual dengan amoi mana?”

“Amoi?” Junid kehairanan, kemudian tergelak. “Dari jauh nampak macam amoi? Dia nyonyalah. Itu Mrs Lim. Dia baru pindah sini. Tinggal kat tingkat dua. Umur dia sama dengan Abang, tau.” Junid tergelak lagi. “Dia hebat. Abang cuma dapat lari belakang dia. Dia sempat nasihatkan Abang jaga makan minum.”

Romi mengimbas kembali apa yang dia lihat tadi. Wanita berseluar pendek dan bersinglet itu rupanya lebih tua daripadanya. Junid yang berlari di belakang Mrs Lim pasti melihat ...

Akar halus menebuk kulit rapuh benih hitam dari dalam.

Pada satu hari, Romi yang buat kejutan. Dia pergi ke perpustakaan dan menunggu Junid menghabiskan syifnya. Dari tempat dia duduk, dia memerhatikan Junid menjalankan tugas. Junid ramah dengan semua orang, baik pengunjung atau pegawai perpustakaan. Nasib baik perpustakaan itu ada lif. Romi dapat naik ke tingkat dua dan melihat segalanya.

Akar-akar hitam dan halus semakin menjalar di hati Romi. Kecambah mula mendongak.

“Bagaimana Romi datang ke sini?” tanya Junid. Mereka berdua berjalan perlahan-lahan ke kedai milik orang Melayu. Junid selalu beli habbatus sauda di sana. Romi dapat rasa perubahan pada tubuh suaminya. Otot lengan bertambah keras. Langkah semakin mantap. Romi menjeling ke rambut suaminya. Melihatkan uban yang bertambah, Romi berasa lega.

“Katipah tingkat tujuh dan suaminya nak ke Pasir Ris tadi. Saya tumpang naik teksi mereka.”

Di kedai Melayu itu, Romi nampak Junid tekun membelek sebuah kotak berwarna-warni. “Ini rupanya . . .” kata Junid sambil menggeleng-geleng.

“Ada apa, Bang?”

Junid meletak kotak itu ke tempat asalnya. “Inilah rahsia badan Tijah berubah. Selamat kata mereka akan beli berkotak-kotak dan bawa masuk ke Australia. Tapi Abang rasa tak bagus ambil benda macam ini. Jalan pintas sahaja.”

Junid mencapai minyak habatus sauda dan pergi ke kaunter bayaran. Dia mengerling ke arah Romi yang masih tercegat di hadapan susunan kotak itu.

Dua hari selepas itu, Romi meminta Katipah beli dua jenis ubat pelangsing. Satu yang Tijah makan, satu yang Katipah sarankan. Malangnya serbuk herba Katipah tak serasi; Romi ulang alik ke tandas. Jadual harian Romi kini berubah. Dia sembunyi-sembunyi makan supplemen pelangsing yang Tijah makan. Dia telah meminta Katipah belikan bekalan untuk enam bulan.

Romi cuba buat senaman ringan. Dia ikut rancangan di televisyen. Dia baring di atas tilam tipis dan mengangkat kakinya satu persatu. Selepas sepuluh kali angkat, kakinya bagai batang besi. Romi menguap besar. Dia tertidur.

Bila tersedar, Romi memutuskan lebih senang dia hanya jaga makan dan ambil suplemen. Senaman terlalu meletihkan. Kerja rumah, masak-memasak dan ubat pelangsing sudah memadai.

Pada suatu pagi, Junid berkata dia diundang menyertai kumpulan jalan kaki pantas yang terdiri daripada pesara-pesara. Selepas sesi kedua bersama mereka, baru Junid teringat untuk tunjukkan kepada Romi gambar mereka di tepi Sungai Sengkang.

“Ada perempuan berhijab sekali?” tanya Romi.

“Ahaah. Itu Cik Mira. Bukan calang-calang orangnya. Dia dan adiknya berlatih untuk maraton tahun hadapan. Bila Romi nak ikut Abang bersenam? Cik Mira ajak Abang bawa Romi.”

“Nanti sahajalah. Ni, ada nasi jagung dan ayam masak merah.”

Akar semakin menyusur permukaan hati Romi. Tunas hitam menegak.

Minggu berikutnya, Junid tidak pergi bersenam dengan kumpulannya. Romi pening dan dia meminta suaminya temankan di rumah.

“Romi tak makan ubat? Romi mesti hati-hati. Abang tengok badan Romi macam dah susut. Orang yang ada kencing manis, sakit jantung, kalau badan susut mendadak tak bagus, tau. Alhamdulillah kencing manis Abang terkawal,” kata Junid ketika dia menghidangkan bubur nasi kepada isterinya.

“Romi makan ubat. Abang, tolong hulurkan kicap manis tu. Tawarlah bubur ini.”

Hati Romi berbunga bila mendengar suami perasan akan perubahan pada badannya. Tapi dia sedar kesilapannya. Kalau Junid berada di rumah, Romi menghadapi masalah hendak ambil ubat pelangsingnya. Semenjak hari itu, Romi tidak lagi menahan Junid pergi ke kerja sebelah pagi atau berlama-lama di sana,

atau bersenam, dengan alasan dia sakit dan perlukan pertolongan suaminya di rumah. Biarpun ada masanya dada atau ulu hatinya memang sakit-sakit.

Sebulan lepas itu, telefon bimbit Junid berbunyi beberapa kali, tetapi Junid tidak ambil peduli.

“Kenapa, Abang?” Romi sedang mengubah kedudukan kancing pada kain baju kurungnya. Hatinya sedang bernyanyi.

“Kumpulan Abang nak buat rombongan bercuti ke Sabah bulan depan. Ada *hiking*. Lima hari empat malam. Abang dah kata Abang tak boleh pergi. Mereka masih ajak juga.”

“Abang tak nak pergi kerana Romi? Abang pergilah. Abang pun tak pernah naik kapal terbang. Romi boleh minta Nina tidur sini.”

“Boleh Nina temankan? Budak tu Abang tengok macam lembik sahaja.”

“Nina boleh. Romi janji tidak akan jatuh,” Romi bergurau. Pucuk dicita ulam mendatang. Romi memang perlu jumpa Nina, anak saudaranya itu seorang ejen sistem pelangsingan badan. Romi juga perlu keluarkan duit sebanyak \$2500 untuk bekalan suplemen.

“Kalau Romi dah izinkan, baiklah. Lain kali kalau mereka buat ekspedisi, Abang minta buat di Semenanjung Malaysia. Jadi Romi boleh ikut sekali. Cik Mira asyik tanya mana Romi. InsyaAllah, Abang minta Cik Mira carikan baju senaman saiz Romi. Tapi kena tempah khas. Tunggu Abang dapat gaji ya. Kita boleh buat tiga pasang. Cik Mira pun ada tunjukkan kasut yang sesuai untuk orang yang sakit lutut macam Romi.”

Cik Mira, Cik Mira, Cik Mira.

Dan akar-akar hitam halus mendakap hati Romi. Nyanyian tiada lagi.

Dua hari sebelum Junid berangkat, dada Romi terasa perit. Dia tidak memberitahu suaminya. Dia tidak mahu Junid batalkan rancangan ke Sabah. Dia perlu jumpa Nina. Lagipun dia sedang memikirkan idea baharu. Bagaimana kalau dia siapkan menu masakan lebih sihat—yang kurang santan, gula dan minyak? Kemudian dia buat promosi kepada rakan-rakan senam suaminya? Jika dapat sambutan baik, pasti Junid setuju untuk memulakan bisnes makanan sihat mangkuk tingkat.

Dua puluh empat jam sebelum Junid terbang ke Sabah, Junid pulang membawa bungkusan. “Ini ada kek dan teh kawan beli dari Batam. Malam ni, Abang nak rasa. . .” bunyi telefon berdering. Junid menyambar telefon bimbitnya. “Hello . . . ya Mira. . .” dan dia melangkah ke koridor untuk menyambung perbualannya.

Aiik, “Cik Mira” sekarang “Mira” sahaja?

Rasa nyeri menikam dada Romi seketika. Dia yang awalnya berwalang hati semakin hampir waktu keberangkatan Junid, kini gelap fikiran. Dia bayangkan Junid tidak akan kembali dari Sabah. Junid mungkin ke Sabah untuk bernikah dengan Cik Mira. Junid sudah bosan hidup dengannya—Romi yang bulat dan berat, yang membuat hidup Junid tersekat, Romi yang hanya pandai masak

Romi pergi ke dapur dan mula memasak.

Malam itu, Junid menikmati lauk ayam lemak cili api, ulam raja tumis dan telur belado. Kesemua makanan kegemaran Junid. Romi sempat buat rendang daging untuk dibawa ke Sabah. “Sekali makanan Sabah tak serasi dengan Abang,” katanya. Romi hanya makan salad dan telur rebus.

Sejam selepas makan malam, Romi menghidangkan teh dan kek dari Batam. Tak lama selepas itu, Junid meminta Romi buatkan teh halia. Perutnya memulas. Junid mula ulang-alik ke tandas. Romi mengajaknya pergi ke hospital, tapi Junid

tidak mahu. Dia hanya akan ditahan di wad. Nanti terlepas pesawat ke Sabah. Cik Mira baru menelefon, mengingatkannya bila dia mesti berada di lapangan terbang.

Dakapan akar hitam mencerut hati Romi.

Romi menahan rasa jengkel. Bila Junid minta teh halia lagi, Romi sekali lagi membubuh teh herba pelangsing yang tak serasi dengan perutnya sendiri. Biar Junid keluar masuk tandas. Romi tak mahu layan Junid lagi selepas itu. Bunyi televisyen menenggelamkan suara Junid.

Apabila bau busuk dari bilik tidur mencucuk derianya, Romi tersedar akan kesilapannya. Junid mesti diingatkan kembali tentang kasih sayang Romi. Junid mesti dirawat dengan penuh prihatin, mesti sedar Sabah tidak penting. Dia memerlukan Romi.

Romi bergegas bangun dari kerusi, tetapi dia terlalu cepat berdiri. Romi terus pitam, lalu hilangimbangan. Ditambah pula dengan tekanan di dada. Rasa sakit tiba-tiba menular di lengan dan lehernya. Romi terbabas dan rebah. Kepalanya terhentak meja. Romi tergeletak di lantai dan tidak bergerak semula.

Pihak polis dan koroner yang menguruskan mayat-mayat Romi dan Junid, mungkin akan merumuskan yang mereka berdua mati akibat memakan suplemen pelangsing badan tanpa mendapat nasihat pakar.

Polis mungkin tidak akan tahu detik Junid dihentak dengan kesedaran yang dia terikat di pulau Singapura, pada Romi dengan segala penyakit dan kerenahnya, sementara dunia yang lebih luas menanti, dan dia masih berdaya untuk menikmati apa yang tersedia, asalkan dia bebas daripada Romi. Kemungkinan besar polis tidak akan tahu usaha Junid mencari ilham dan maklumat di tempat kerjanya.

Mereka mungkin tidak menduga Junid telah sengaja mempengaruhi Romi, melalui kata-kata dan perbuatannya, untuk mengambil suplemen pelangsing herba yang lambat laun merosakkan hati dan mempercepatkan kegagalan organ Romi yang menghidap sakit jantung. Mereka tidak akan tahu yang Selamat telah memaklumkan Junid bahawa badan Tijah susut akibat barah yang akhirnya dapat diatasi.

Junid mati dalam ketidakpastian adakah rancangannya berjaya.

Romi pula meninggal dunia dalam kejahilan yang campuran teh pelangsing herbanya yang berlebihan dengan ubat kencing manis dalam badan Junid telah mengakibatkan cirit-birit teruk yang membawa maut.

Jiran-jiran anggap Romi dan Junid mati berkapankan cindai. Tirai kasih dan hayat pasangan itu turun pada malam yang sama.

Sungguh romantis, sungguh tragis.

(3210 perkataan)